

**23(A). DASAR MENGENAI MENGEKALKAN KERJA-KERJA YANG TELAH DIJALANKAN/ PERMOHONAN UNTUK KERJA-KERJA DIJALANKAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN TETAP YANG SEDIA ADA YANG TERLIBAT DENGAN CADANGAN PERLEBARAN JALAN DAN / ATAU LORONG BELAKANG**

- (i) Di mana kerja itu (yang telahpun dibuat) tidak terlibat dengan cadangan perlebaran jalan/lorong belakang tetapi tanah itu sendiri terlibat dengan cadangan sedemikian, satu bayaran kompaun, yang merupakan jumlah bayaran tegahan dan kos tanah yang terlibat dan akan diserahkan hendaklah dikenakan.
- (ii) Di mana kedua-dua kerja (yang telahpun dibuat) dan tanah itu sendiri terlibat dengan cadangan perlebaran jalan dan/atau lorong belakang, satu bayarna kompaun yang merupakan jumlah bayaran tegahan, kos tanah yang terlibat dan akan diserahkan dan anggaran kos meroboh/membina semula kerja itu hendaklah dikenakan.
- (iii) Di mana kerja (yang tidak dibuat) tidak terlibat dengan garisan perlebaran jalan dan/atau lorong belakang, pelan itu boleh diluluskan tanpa sebarang syarat, walaupun tanah itu mungkin terlibat dengan cadangan perlebaran jalan/lorong belakang.
- (iv) Di mana kerja itu (yang tidak dibuat) dan tanah itu sendiri terlibat dengan cadangan perlebaran jalan dan/atau lorong belakang, satu cagaran untuk kos meruntuh/membina semula hendaklah dipungut.

Bayaran tahanan hendaklah dikenakan dalam tiap-tiap hal ialah seperti yang ditunjukkan disenarai yang dikepilkhan sementara kos tanah yang akan diserahkan dan kos kerja-kerja meroboh/membina semula akan ditentukan masing-masingnya oleh Pengarah Penilaian dan Pengarah Bangunan.

*(Diluluskan pada 21.10.81)*